

12 NOV 1996

MPPJ-Rumah

MPPJ AKAN AMBIL TINDAKAN PADA PEMILIK RUMAH

PETALING JAYA, 12 Nov (Bernama) -- Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) akan mendaftarkan kes di Mahkamah Municipal di sini esok bagi membolehkan tindakan diambil terhadap pemilik rumah yang terlibat dalam kebakaran mengorbankan empat nyawa di Seksyen 17/43, 4 Nov lepas.

Yang Dipertuanya Mohamed Nor Bador berkata MPPJ akan mendapatkan salinan saman yang dimeterai oleh mahkamah untuk diserahkan kepada pemilik rumah itu yang melakukan pengubahsuaian rumah tanpa kebenaran pihak majlis.

"Selepas salinan saman itu diserahkan pada pemilik rumah berkenaan, beliau dikehendaki hadir ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan," katanya pada sidang berita di sini hari ini.

Pada kejadian 4 Nov lepas, empat orang mati setelah terperangkap dalam kebakaran di sebuah rumah yang telah diubahsuai di Jalan 17/43 di sini.

Beliau berkata siasatan MPPJ mendapati pemilik rumah terbabit tidak mengemukakan pelan untuk mengubahsuai rumah yang disewa itu.

"Pemilik rumah yang mengubahsuai rumah tanpa kebenaran boleh didakwa mengikut Seksyen 70 (13) Akta Jalan, Bangunan dan Parit 1974 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan RM250 pula akan dikenakan setiap hari selagi pemulihan pada struktur asal rumah tidak dilakukan," katanya.

Mohamed Nor berkata pemilik rumah itu sehingga kini tidak berjaya ditemui walaupun pihak majlis telah tiga kali mengesannya.

Ditanya bagaimana untuk mengesan pemilik itu yang juga tidak pernah menghubungi MPPJ sejak kejadian itu, beliau berkata, pihak majlis percaya pemilik itu masih berada di kawasan Petaling Jaya dan hanya akan menggunakan khidmat polis jika terpaksa.

Sementara itu, beliau berkata 16 buah rumah sekitar Petaling Jaya antaranya di SS9A dan Seksyen 17 telah dikenalpasti oleh pihak majlis telah diubahsuai tanpa kebenaran.

Operasi dua hari akan dijalankan mulai esok untuk memeriksa rumah yang telah diberikan notis oleh pihak majlis mengenai pengubahsuaian yang dilakukan pada rumah mereka.

"Sekiranya mereka engkar untuk memulih semula rumah mereka, kita akan mengambil tindakan dengan membuka pengubahsuaian itu," tambahnya.--BERNAMA

LES NHD BE866 BSE 00307 GB 12-11 1524 Ramli Peladang RAMLI SARAN PPN D
BE865 BSE 00197 GB 12-11 1349 KES WANITA, TEMAN LELAKI BUNUH B BE864 BSE
00209 GB 12-11 1326 Mahathir Trinidad 2 (Akhir) Port BE863 BSE 00110 GB
12-11 1255 DUA ADUN DAP SERTAI BARISAN NASI BE862 BSE 00150 GB 12-11 1240
PM TIBA DI TRINIDAD DAN T OBAGO D BE861 BSE 00291 GB 12-11 1152 Sabbaruddin
WTM TERENGGANU TARIK BE860 BSE 00345 GB 12-11 0928 Hamid Afrika MALAYSIA
MINAT CONT COMMAND TERMINATED ITEM NOT STORED - BAD HEADER